

Kakitangan awam wajar pelajari bahasa etnik jika ke Sarawak

Oleh Kanda Sidi

MIRI: Kakitangan awam khususnya dari Semenanjung dan Sabah yang dihantar bertugas ke Sarawak wajar meningkatkan pengetahuan mengenai bahasa etnik ini sebagai persediaan memudahkan bergaul dan berkhidmat dengan masyarakat.

Pegawai Perancangan Bahasa dari Unit Penyelidikan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Sarawak, Shantrol Abdullah, berkata, pemahaman mengenai bahasa membantu memudahkan interaksi mereka dengan penduduk setempat.

"Terdapat lebih 60 bahasa sukuan di Sarawak, yang mana setiap kaum mempunyai empat hingga enam dialek yang berbeza.

"Boleh dikatakan 80 hingga 98 peratus daripada setiap bahasa sukuan ini juga berbeza dari aspek kata, ayat dan wacana.

"Justeru, pengetahuan terhadap aspek bahasa sukuan ini perlu ditekankan kerana pemahaman mengenai latar belakang bahasa sukuan ini akan melicinkan komunikasi kakitangan awam dengan penduduk setempat," katanya.

Beliau menyatakan demikian semasa menyampaikan seminar Penge-

nal Kepada Bahasa Sukuan Sarawak bersempena Program Orentasi Pegawai-Pegawai Persekutuan yang terdiri daripada 109 orang pegawai dari pelbagai Jabatan Persekutuan di sini, semalam.

Katanya, penggunaan bahasa dalam sesebuah komuniti berkait rapat dengan kebudayaan dan sistem nilai dalam komuniti terbabit.

Sambil merujuk kepada perkataan 'lawa' yang bermaksud cantik dalam bahasa Malaysia, beliau berkata, menyatakan perkataan itu bermakna 'sombong' dalam bahasa Melayu Sarawak.

"Bahasa dan kebudayaan adalah sa-

tu elemen yang saling berkait rapat yang mana kedua-dua aspek ini perlu diketahui, dihayati dan dihormati bagi mengelak salah faham antara penuturnya," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, perbezaan makna dalam bahasa sukuan bukanlah penghalang besar dalam komunikasi seharian masyarakat berbilang kaum di Sarawak.

"Walaupun wujud perbezaan perbendaharaan kata dalam bahasa sukuan ini, namun masyarakatnya masih lagi memahami konsep komunikasi dengan mudah dengan adanya hubungan erat," katanya.

BH- 14/12/2006